Angka Giliran: ________________ No. Tempat Duduk: _____________

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

# HMA 101 - PENGANTAR PENGAJIAN BAHASA MALAYSIA

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA PULUH muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi LAPAN soalan.

Jawab SEMUA soalan di ruang yang disediakan di kertas ini.

| No. Soalan | Markah |
|---|---|
| 1 | /25 |
| 2 | /25 |
| 3 | /25 |
| 4 | /25 |
| 5 | /50 |
| 6 | /50 |
| 7 | /50 |
| 8 | /50 |
| Jumlah | /300 |

...2/-

Angka Giliran: ______________ No. Tempat Duduk: ____________

1. Jelaskan LIMA ciri bahasa [a] hingga [e] yang terdapat dalam **PETIKAN 1**. Sertakan contoh yang boleh didapati dari petikan tersebut.

   [a] Keduaan Pola

   [b] Penyingkiran

   [c] Tradisi

   [d] Pengkhususan

   [e] Keterasingan

[25 markah]

**PETIKAN 1**

KUALA LUMPUR – Atlet olahraga negara berpeluang untuk berentap dengan atlet-atlet terbaik rantau ini tiga minggu menjelang Sukan Asia Doha, 1-15 Disember ini.

Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM) akan menganjurkan satu kejohanan jemputan, yang bakal disertai oleh atlet yang menduduki ranking lima terbaik Asia pada pada 8 November, ini.

Menurut ketua jurulatih olahraga negara, Hanafiah Nasir, kejohanan itu akan diadakan seminggu selepas Singapura melangsungkan kejohanan yang sama.

"Kebanyakan kejohanan olahraga antarabangsa akan berakhir pada hujung September, jadi bagi atlet yang akan beraksi pada Sukan Asia, mereka memerlukan pertandingan kompetitif seperti ini.

"Kejohanan ini juga merupakan peluang terbaik buat atlet Malaysia untuk menguji kemampuan menjelang temasya Doha, apatah lagi hanya atlet terbaik rantau ini dibenarkan beraksi," katanya.

Setakat ini, enam atlet olahraga berada dalam senarai skuad ke Sukan Asia - Noraseela Khalid (400m lari berpagar), Roslinda Samsu (lompat bergalah), Ngew Sin Mei (lompat kijang), Moh Siew Wei (100m lari berpagar), Lee Hup Wei (lompat tinggi) dan Mohd. Robanni Hassan (110m lari berpagar).

Jumlah berkenaan mampu meningkat andai terdapat atlet yang melayakkan diri pada saat akhir selepas tamat Terbuka Malaysia, bulan depan.

Menurut Hanafiah, jenis acara yang akan dipertandingkan pada kejohanan sehari itu bergantung kepada acara yang bakal disertai Malaysia di Doha.

http://www.utusan.com.my/

...3/-

Angka Giliran: ________________ No. Tempat Duduk: _____________

[a] Penjelasan dan contoh untuk Keduaan Pola:

________________________________________________________________
________________________________________________________________
________________________________________________________________
________________________________________________________________
________________________________________________________________
________________________________________________________________
________________________________________________________________
________________________________________________________________
________________________________________________________________

[b] Penjelasan dan contoh untuk Penyingkiran:

________________________________________________________________
________________________________________________________________
________________________________________________________________
________________________________________________________________
________________________________________________________________
________________________________________________________________
________________________________________________________________
________________________________________________________________
________________________________________________________________

...4/-

Angka Giliran: ________________ No. Tempat Duduk: ____________

[c] Penjelasan dan contoh untuk Tradisi:

[d] Penjelasan dan contoh untuk Pengkhususan:

Angka Giliran: ________________ No. Tempat Duduk: ____________

[e] Penjelasan dan contoh untuk Keterasingan:

2. Jawab [a], [b] dan [c].

[a] Berikan nama lengkap untuk invidividu yang mempunyai fitur [-hidup] dari **PETIKAN 2.**

[5 markah]

...6/-

Angka Giliran: ________________ No. Tempat Duduk: _____________

[b] Berikan nama lengkap untuk individu ini semasa berfitur [+ hidup].

[5 markah]

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

[c] Bincangkan pembentukan dan penamaan nama individu dalam [a] dan [b] dari aspek sinonim.

[15 markah]

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

...7/-

Angka Giliran: ________________ No. Tempat Duduk: ____________

...8/-

Angka Giliran: ________________ No. Tempat Duduk: ____________

**PETIKAN 2**

KUALA LUMPUR 7 Ogos – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkongsi pengalamannya berdepan detik-detik kepiluan ketika kehilangan isteri, Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood bersama Pengarah Urusan YTL Corporation Berhad, Tan Sri Francis Yeoh.

Beliau turut memberikan kata-kata semangat kepada Francis supaya tabah meneruskan kehidupan tanpa isteri yang selama ini banyak mencurahkan kasih sayang dan inspirasi sehingga menjadikan sebuah keluarga bahagia.

Perkara itu dinyatakan Francis kepada pemberita selepas menerima kunjungan Perdana Menteri di kediamannya di Bukit Tunku di sini.

Perdana Menteri tiba kira-kira pukul 6.40 petang untuk memberikan penghormatan terakhir kepada isteri Francis, mendiang Puan Sri Rosaline Chan Yee Hing, 54, yang meninggal dunia kelmarin akibat kanser.

Beliau yang diiringi anaknya Nori serta dua menantunya, Khairy Jamaluddin dan Azrene Abdullah meluangkan masa hampir sejam bersama Francis, anak-anak dan ahli keluarga lain.

Menurut Francis, beliau menyifatkan dirinya beruntung kerana dapat berkongsi perasaan bersama-sama Abdullah.

http://www.utusan.com.my/

3. Bandingkan LIMA jenis bahasa bukan verbal [a] hingga [e] yang terdapat dalam **GAMBAR 1** dan **GAMBAR 2**.

[25 markah]

| **GAMBAR 1** | **GAMBAR 2** |
| --- | --- |
|  |  |
| http://www.bharian.com.my | http://www.bharian.com.my |

...9/-

Angka Giliran: ________________ No. Tempat Duduk: ____________

[a] proksemik:

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

[b] okulesik

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

[c] haptik

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

...10/-

Angka Giliran: ________________ No. Tempat Duduk: ____________

[d] kinesik

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

[e] olfaktik

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

Angka Giliran: ______________ No. Tempat Duduk: ____________

4. Dengan menggunakan **PETIKAN 3**, jawab [a], [b] dan [c].

**PETIKAN 3**

Tarikh : 10 Julai 2006
Tempat : StadiumTertutup Singapura
Tiket : dari $70 ke $170

Untuk konsert ini seramai tujuh orang telah membentuk kontinjen dari negara Malaysia iaitu aku, Fatin, Pari, Diba, Angah, abang aku dan Susanne serta 3 orang lagi teman manager dari Borders Times Square iaitu Bobbie, Stephanie dan Shirley yang kami jumpa di Borders Singapore keesokan harinya. Konsert seterusnya adalah Mogwai pada 1 Ogos ini juga di Singapura dan We Are Scientist di Zouk KL pada 9 Ogos.

Sumber: http://habri.blogspot.com/
Tarikh Capaian: 27 Julai 2006

[a] Namakan jenis wacana untuk Petikan 3.

[1 markah]

______________________________________________

______________________________________________

[b] Kenal pasti dan namakan maksim Prinsip Kerjasama Grice yang terdapat dalam wacana dalam **PETIKAN 3**.

[4 markah]

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

...12/-

Angka Giliran: ________________ No. Tempat Duduk: _____________

[c] Jelaskan maksim yang dinamakan dalam [b].

[20 markah]

...13/-

Angka Giliran: ______________ No. Tempat Duduk: ____________

5. Jawab [a] hingga [e].

[a] Namakan alat sebutan di ruang [i] hingga [vii] di **RAJAH 1**.

[7 markah]

**RAJAH 1**




[i] ______________ [v] ______________

[ii] ______________ [vi] ______________

[iii] ______________ [vii] ______________

[iv] ______________

...14/-

Angka Giliran: ______________ No. Tempat Duduk: ____________

[b] Tandakan sama ada, betul ( √ ) atau salah ( X ), deskripsi fonetik yang dipadankan dengan bunyi yang diberikan dalam **JADUAL 1**. Jika anda tanda salah ( X ), berikan lambang bunyi yang sebetulnya.

[8 markah ]

**JADUAL 1**

| | Deskripsi Fonetik | Bunyi | √ Atau × | Bunyi Yang Sebetulnya |
|---|---|---|---|---|
| i | Konsonan plosif velar bersuara | [ g ] | | |
| ii | Konsonan frikatif alveopalatal | [ j ] | | |
| iii | Konsonan nasal velar | [ ŋ ] | | |
| iv | Konsonan frikatif dental tak bersuara | [ ð ] | | |
| v | Vokal depan tinggi | [ ɪ ] | | |

[c] Transkripsikan perkataan [i] hingga [v] yang terdapat dalam **JADUAL 2** dengan menggunakan transkripsi luas. Gunakan sebutan bahasa Malaysia.

[10 markah]

**JADUAL 2**

| | Perkataan | Transkripsi Luas |
|---|---|---|
| i | mengesakan | |
| ii | penyiaran | |
| iii | ghalib | |
| iv | IPTA | |
| v | bersyarat | |

...15/-

Angka Giliran: ________________ No. Tempat Duduk: ____________

[d] Isi ruang kosong dengan maklumat yang bersesuaian.

Setiap bunyi yang terdapat dalam transkripsi luas dalam **Data 1** berstatus ______________________________. Manakala yang dalam transkripsi sempit dikenali sebagai __________________________. Satu ciri yang membezakan kedua-duanya ialah ______________________________.

[8 markah]

**Data 1**

| | Perkataan | Transkripsi Luas | Transkripsi Sempit |
|---|---|---|---|
| i | sayap | / sayap / | [ sayap˺ ] |
| ii | paya | / paya / | [ paya ] |
| iii | apa | / apa / | [ apa ] |
| iv | tanak | / tanak / | [ tanaʔ ] |
| v | kaya | / kaya / | [ kaya ] |
| vi | buka | / buka / | [ buka ] |

Angka Giliran: _______________ No. Tempat Duduk: ____________

6. Dengan menggunakan **PETIKAN 4**, jawab [a] hingga [d].

**PETIKAN 4**

*SUATU KEHILANGAN*

Mohsin
berdrama tanpamu
bagaikan kehilangan tuju
tak mungkin lagi
suaramu menerjah ke udara
takmungkin lagi
jejakmu menjelajah ke utara
mengongsi pengalaman
dengan teman seperjuangan.

Kau yang mengajarku tentang konsep
berkonsert dalam diam
bersopan menyanyi
bersantun menari
terkinja-kinja bukannya budaya kita
dalam bertertib
kiranya, masih boleh berhibur
sekadar untuk menghindarkan
kesepian yang sering mencengkam
di laman sebuah kehidupan.

Di kesyahduan malam terakhir itu
berbaur senda dan gelak para tamu
aku yang beria-ia
mengucapkan selamat tinggal
rupa-rupanya engkau yang pergi dulu
kami kehilanganmu!

**Muhammad Ibrahim**
**Angkasapuri, Kuala Lumpur.**
**PUISI, MM 30/7/06:30**

[a] Berikan dua contoh dari **PETIKAN 4** yang mempunyai ciri berikut: [i] satu morfem bebas sahaja, [ii] dua morfem terikat, [iii] tiga morfem, dan [iv] empat morfem, untuk kata nama, kata kerja, dan kata adjektif, jika ada. Jika tiada, tulis 'TIADA'. Jawab soalan ini di **JADUAL 3**.

[18 markah]

...18/-

Angka Giliran: _______________ No. Tempat Duduk: ____________

**JADUAL 3**

| Golongan kata / Bilangan morfem | Kata Nama | Kata Kerja | Kata Adjektif |
|---|---|---|---|
| i) Satu morfem bebas | | | |
| ii) Dua morfem terikat | | | |
| iii) Tiga morfem | | | |
| iv) Empat morfem | | | |

[b] Berikan dua contoh dari **Petikan 4** yang menunjukkan proses morfologi [i] hingga [iv], jika ada. Jika tiada, tulis 'TIADA'. Jawab soalan ini di **JADUAL 4**.

[12 markah]

Angka Giliran: ________________ No. Tempat Duduk: ____________

7. Dengan menggunakan **DATA 2**, jawab [a] hingga [h].

**DATA 2**

i) Materazzi didenda oleh FIFA semalam.
ii) Pada perlawanan akhir bola sepak Piala Dunia 2006, Zidane menghantuk dada Materazzi.
iii) Jurucakap FIFA mengatakan bahawa Zidane sudah bersara.
iv) Materazzi mencaci ibu dan adik perempuan Zidane.

[a] Kenal pasti frasa nama subjek yang kepalanya bukan kata nama khas dalam [i] – [iv].

[5 markah]

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[b] Kenal pasti dan berikan ujian untuk predikat yang mempunyai klausa pancangan. Perlihatkan klausa pancangan dalam predikat ini.

[10 markah]

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

...22/-

Angka Giliran: ______________ No. Tempat Duduk: ____________

[c] Kenal pasti objek yang terdiri daripada frasa nama majmuk setara.

[5 markah]

[d] Kenal pasti keterangan waktu yang terdiri daripada frasa adverba dan yang telah melalui transformasi gerak.

[5 markah]

Angka Giliran: ________________ No. Tempat Duduk: ____________

[e] Kenal pasti klausa tak bebas dalam [i] hingga [iv].

[5 markah]

[f] Kenal pasti ayat selapis ragam aktif.

[5 markah]

...24/-

Angka Giliran: ______________ No. Tempat Duduk: ____________

8. Teliti **TEKS A**. Jawab [a], [b] dan [c].

[a] Bulatkan perkataan dan tanda bacaan yang salah dalam dalam **TEKS A**.

[15 markah]

[b] Berikan ejaan dan tanda bacaan yang betul di bulatan tersebut.

[15 markah]

**TEKS A**

Menurut Pengarah Urusannya Idris Jala, kenaikkan berdasarkan struktur sistem tambang baru micro-segmentised melibatkan 23 laluan, masih menjadikan kadar tambang MAS antara yang terendah di dunia.

Dalam masa yang sama, MAS turut menggumumkan tawaran sejuta tempat duduk dalam penterbangan domestik pada kadar-kadar menarik, melalui tempahan tiket secara dalam talian mulai 1 September 2006 hingga 31 Julai 2007.

"Apabila kita mengkaji semula tambang dalam negara, kami mengambil kira orang ramai yang

...28/-

Angka Giliran: _______________ No. Tempat Duduk: ____________

mahu terbang dengan pilihan yang lebih mampu di bayar mereka, kata Idris dalam kenyataannya di sini hari ini.

Pada 31 Julai lalu, beliau mengumumkan akan menaikkan tambang perjalanan kelas ekonomi pada purata sebanyak lima belas peratus dan kelas perniagaan sebanyak 25 peratus.

Idris dalam kenyataannya ibu menjelaskan, meskipun berlaku kenaikan, tambang baru yang ditawarkan secara dalam pelbagai peringkat, menawarkan tambang pilihan yang diberikan diskuan antara 10 hingga 60 peratus.

Sementara itu, Bernama dalam laporannya pula memetik Pengarah Komersial MAS, datuk rashid khan sebagai berkata, kadar baru itu adalah berdasarkan tambang sehala yang membabitkan sembilan segmen iaitu dua kelas perniagaan, lima kelas ekonomi dan dua transeksi maya secara talian.

...29/-

Angka Giliran: _______________ No. Tempat Duduk: ____________

[c] Nyatakan LIMA jenis kesalahan yang terdapat dalam **TEKS A**, dan berikan satu contoh untuk setiap jenis kesalahan.

[20 markah]

[i] Nama jenis kesalahan 1:

_______________________________________________

Contoh untuk jenis kesalahan 1:

_______________________________________________

[ii] Nama jenis kesalahan 2:

_______________________________________________

Contoh untuk jenis kesalahan 2:

_______________________________________________

[iii] Nama jenis kesalahan 3:

_______________________________________________

Contoh untuk jenis kesalahan 3:

_______________________________________________

[iv] Nama jenis kesalahan 4:

_______________________________________________

Contoh untuk jenis kesalahan 4:

_______________________________________________

...30/-